

## HUBUNGAN ANTARA SOKONGAN SOSIAL DENGAN KESUNYIAN DALAM KALANGAN WARGA EMAS BLOK 5 DI PPR SERI ALAM, KUALA LUMPUR

**Nur Afiqah Razman\***

Fakulti Sains Sosial, Universiti Melaka,  
Batu 28, Kuala Sungai Baru, 78200 Melaka, Malaysia

**Siti Haziqah Shaban**

Fakulti Sains Sosial, Universiti Melaka,  
Batu 28, Kuala Sungai Baru, 78200 Melaka, Malaysia

*\*Corresponding Author's Email: nurafiqahmohdrazman@gmail.com*

### **Article history:**

*Received* : 4 Mei 2023

*Accepted* : 22 Jun 2023

*Published* : 29 September 2023

### **ABSTRAK**

Warga emas adalah golongan yang berhadapan dengan pelbagai keuzuran, kesunyian dan masalah kesihatan dari segi fizikal dan mental. Oleh itu, sokongan sosial diperlukan oleh warga emas bagi menjalani kehidupan seharian. Walau bagaimanapun ia mungkin berbeza mengikut jantina dan status pekerjaan warga emas. Kajian ini dilakukan untuk mengkaji hubungan antara sokongan sosial dan kesunyian dalam kalangan warga emas blok 5 di PPR Seri Alam, Kuala Lumpur. Set soal selidik yang terdiri daripada tiga bahagian yang merangkumi maklumat demografi responden, soal selidik Socially Supportive Behaviour adalah bagi mengukur tahap sokongan sosial dan soal selidik UCLA Loneliness Scale bagi mengukur tahap kesunyian. Reka bentuk tinjauan dan teknik persampelan rawak mudah telah dipilih dalam menjalankan kajian ini. Keputusan analisis kajian adalah merangkumi statistik deskriptif dan statistik inferensi berdasarkan kepada kaedah korelasi, ujian- t dan ANOVA. Saiz sampel yang diambil bagi reka bentuk tinjauan adalah seramai 60 responden. Hasil kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara sokongan sosial dan kesunyian dalam kalangan warga emas [ $r = .796$ ,  $k < .05$ ]. Selain itu, hasil kajian turut menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara sokongan sosial dan status pekerjaan warga emas [ $F(2, 57) = 1.447$ ,  $k > .05$ ]. Seterusnya, hasil kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara sokongan sosial dan jantina [ $t(58) = 0.016$ ,  $k < .05$ ]. Kesimpulannya, kajian ini adalah untuk melihat sejauh mana sokongan sosial dapat mempengaruhi kesunyian warga emas di Blok 5 PPR Seri Alam.

**Kata kunci:** Sokongan Sosial; Kesunyian; Warga Emas

## ***THE RELATIONSHIP BETWEEN SOCIAL SUPPORT WITH LONELINESS AMONG SENIOR CITIZEN BLOCK 5 PPR SERI ALAM, KUALA LUMPUR***

### **ABSTRACT**

*The elderly are those who are face disabilities, loneliness and face health problem in term of physical and mental health. Social support is needed by the elderly to live their daily lives but it may vary according to the gender and employment status of the elderly. The aim of this study was to examine the relationship between social support and loneliness among senior citizen block 5 PPR Seri Alam, Kuala Lumpur. A set of questionnaires consisting of three parts was used which is the respondent's demography, Socially Supportive Behaviour questionnaires to measure social support and UCLA Loneliness Scale to measure loneliness. Survey design and simple random sampling technique were chosen in conducting this study. The result of this research analysis included descriptive statistics based on correlation method, t-test and Anova. A total of 60 respondents were chosen as the samples for the survey design. The result showed that there was significant relationship between social support and loneliness among senior citizens [ $r = .796, k < .05$ ]. Besides that, the result also indicated that there was no significant difference in social support based on employment status [ $F(2, 57) = 1.447, k > .05$ ]. Next, there also was significant difference in social support based on gender [ $t(58) = 0.016, k > .05$ ]. In conclusion, this study is to see the extent to which social support affects the loneliness elderly at Block 5 PPR Seri Alam.*

**Keywords:** *Social Support; Loneliness; Senior Citizen*

### **PENGENALAN**

Sokongan sosial adalah yang membawa maksud kepada sokongan yang diperolehi daripada kalangan ahli keluarga dan individu yang hampir dengan seseorang. Hal ini kerana sokongan sosial juga didefinisikan sebagai wujudnya individu yang memberitahu individu lain bahawasanya mereka mengambil berat, menghargai dan menyayanginya. (Sarason, Levine & Basham, 1983). Miller et al. (2002) pula menyatakan sokongan sosial juga diberikan seperti bantuan dalam melakukan kerja rumah dan bantuan dari segi emosional iaitu memberi sokongan moral (Faris Iskandar, 2018). Menurut Carol dan Christopher (1999), penawaran yang baik untuk minda dan tubuh badan adalah keperluan sokongan sosial. Sokongan sosial juga akan mempunyai kesan yang positif terhadap kesihatan individu. (Mohd Makhzan Musa, 1997). Selain itu, sokongan sosial juga akan membantu mengatasi masalah asas yang mendorong kepada kemurungan iaitu kesunyian. Apabila mendapat sokongan sosial yang mantap faktor kesunyian akan menurun, sekali gus masalah kemurungan dapat diatasi. Hal ini, didokong oleh kenyataan oleh Cohen dan Willin (1985) dan Turner (1981) bahawa pengurangan masalah kesihatan terdapat kaitan dengan sokongan sosial. (Nurul Hudani Md Nawi et al., 2017).

Manusia itu sendiri bersifat sosial, mereka berkeinginan untuk membentuk dan mengekalkan perhubungan positif antara satu sama lain. Terutamanya perhubungan yang positif antara kenalan rapat dan penting dalam hidup seseorang individu. Menurut Jones et al. (1981), kesunyian mungkin akan menjejaskan suasana, kemahiran sosial dan juga keramahan individu. Hal ini, akan menjurus kepada individu seperti warga emas rasa diri dipinggirkan dengan dunia luar. Seterusnya menurut Demir dan Fisiloglu (1999), sepanjang hayat seseorang mereka akan mengalami kesunyian tersebut. Hal ini dapat disimpulkan, bahawasanya semua manusia akan mengalami saat-saat sunyi dalam kehidupan. Walau bagaimanapun perasaan itu mungkin dapat ditangkis dengan mengasah kemahiran sosial yang tinggi. Menurut kajian Amran Hassan et al. (2013), hasil kajian menunjukkan warga emas mengalami kesunyian dan dari segi strategi daya tindak, semua warga emas menyatakan yang mereka mempunyai alternatif yang tersendiri untuk mengurangkan perasaan kesunyian tersebut. Kesunyian juga adalah sebagai suatu sifat yang subjektif, iaitu merangkumi pengalaman negatif yang menyukarkan individu tersebut meneruskan sesuatu perhubungan. Oleh itu, individu akan terkeluar dari perhubungan antara manusia dan akan menuntut kepada keselamatan dari segi psikologi. Oleh itu, keperluan sokongan sosial amat penting bagi membendung perasaan kesunyian terjadi. Jelaslah disini, tiada perkaitan yang benar-benar spesifik dilakukan tentang hubungan antara sokongan sosial dan kesunyian dalam kalangan warga emas. Oleh itu, kajian ini relevan dijalankan bagi melihat sejauh mana sokongan sosial mempengaruhi kesunyian dalam kalangan warga emas. Warga emas adalah golongan yang perlu disayangi dan dicurahkan kasih kasayang oleh kerana itu kajian seperti ini perlu dijalankan untuk mencari punca atau sebab kesunyian dalam diri mereka terjadi.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Pengkaji menjalankan kajian adalah untuk mengkaji tentang golongan warga emas Blok 5 di PPR Seri Alam. Objektif bagi kajian ini adalah:

- i. Mengenal pasti hubungan antara sokongan sosial dan kesunyian dalam kalangan warga emas.
- ii. Mengenal pasti perbezaan antara sokongan sosial berdasarkan status pekerjaan dalam kalangan warga emas.
- iii. Mengenal pasti perbezaan antara sokongan sosial berdasarkan jantina dalam kalangan warga emas.

## **HIPOTESIS KAJIAN**

Terdapat beberapa hipotesis bagi kajian ini, iaitu:

- i. Terdapat hubungan yang signifikan antara sokongan sosial dan kesunyian dalam kalangan warga emas.
- ii. Terdapat perbezaan yang signifikan antara sokongan sosial berdasarkan status pekerjaan dalam kalangan warga emas.
- iii. Terdapat perbezaan yang signifikan antara sokongan sosial berdasarkan jantina dalam kalangan warga emas.

## **SOROTAN KAJIAN**

Banyak pengkaji lepas yang melakukan kajian berkaitan dengan sokongan sosial dan kesunyian. Kajian yang dilakukan oleh Sharifah Rosida (2012), adalah bertujuan untuk melihat pengaruh faktor peribadi, sokongan sosial, tahap kesihatan dan agama ke atas warga tua produktif di Dewan Undangan Negeri Pauh dan Negeri Perlis. Pembolehubah pengetahuan didapati mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas warga tua produktif. Tahap kesihatan juga adalah satu faktor yang mempengaruhi ke atas warga tua produktif iaitu warga tua dengan tahap kesihatan yang baik adalah lebih produktif. Kesimpulannya, pengetahuan dan tahap kesihatan merupakan dua faktor utama yang mempengaruhi dalam melahirkan warga tua produktif. Oleh itu, dalam kajian yang dilakukan kini adalah bagi melihat adakah sokongan sosial tetap tidak memberi pengaruh yang utama dalam diri warga emas.

Hasil kajian yang dilakukan oleh Mei-Chuan Huang dan Chich-Hsiu Hung (2007) ke atas 131 responden pesakit diabetes jenis dua di sebuah pusat perubatan di selatan Taiwan. Pengkaji mendapati terdapat hubungan yang positif antara sokongan sosial dan kualiti hidup yang mana ia memberi makna bahawa semakin baik sokongan sosial, maka semakin tinggi kualiti hidup pesakit diabetes jenis dua. Bagi pesakit yang berada pada tahap kesihatan teruk, maka mereka memerlukan lebih banyak sokongan sosial. Kesimpulannya, Mei-Chung Huang dan Chich-Hsiu Hung mengandaikan bahawa individu yang sokongan sosialnya baik maka mereka akan menerima lebih banyak sumber dan dengan itu kualiti hidup turut meningkat. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini adalah untuk melihat sejauh mana sokongan sosial dapat mempengaruhi tahap kesunyian dalam kalangan warga emas. Hal ini kerana, dalam sorotan kajian yang dijalankan oleh Mei-Chuan Huang dan Chich-Hsiu Hung menunjukkan sokongan sosial amat diperlukan oleh warga emas untuk menikmati kualiti hidup yang tinggi.

Kajian lepas yang dikaji adalah bertajuk perasaan Loneliness atau Kesunyian dan Strategi Daya Tindak dalam Kalangan Warga Emas yang Menghuni di Rumah Seri Kenangan, Cheras. Kajian ini dilakukan oleh Amran Hassan et al. (2013), bertujuan mengkaji perasaan kesunyian yang dialami warga emas yang tinggal di pusat jagaan tersebut. Seramai enam orang responden dipilih oleh pengkaji dengan menggunakan persampelan secara bertujuan. Analisis kandungan berasaskan transkrip yang dibina dengan menggunakan kod dan tema-tema tertentu bagi dilihat lebih spesifik tentang isu yang dikaji. Hasil kajian menunjukkan warga emas mengalami kesunyian dan dari segi strategi daya tindak, semua warga emas menyatakan yang mereka mempunyai alternatif yang tersendiri untuk mengurangkan perasaan kesunyian. Oleh itu, bagi kajian ini pengkaji mengkaji adakah tahap kesunyian warga emas adalah bergantung kepada tahap sokongan yang diterima.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian yang dilakukan ini adalah berbentuk kuantitatif dengan menggunakan reka bentuk tinjauan dan teknik persampelan rawak mudah. Persampelan rawak mudah digunakan untuk memastikan setiap unit atau subjek dalam populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai responden kajian. Proses penentuan saiz

sampel dalam kajian ini adalah merujuk kepada jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970). Oleh yang demikian, sampel kajian yang telah dipilih adalah seramai 60 orang iaitu bagi mewakili populasi warga emas di PPR Seri Alam, blok 5 yang berjumlah 70 orang. Soal selidik yang digunakan adalah soal selidik *Inventory of Socially Supportive Behaviour* (ISSB) dan soal selidik *UCLA Loneliness Scale*.

Manakala, sepanjang pendedaran soal selidik pengkaji diperlukan untuk membantu membaca dan memahami warga emas berkenaan item di soal selidik. Hal ini adalah kerana terdapat golongan warga emas yang tidak mempunyai kemahiran membaca dan kurang dalam penglihatan. Walaupun pengkaji menyediakan soal selidik yang mempunyai tulisan berskala besar, warga emas tetap memerlukan pengkaji untuk membantu terutamanya warga emas yang berumur 76 tahun ke atas. Kesimpulannya, kajian yang melibatkan responden warga emas amat memerlukan pemerhatian yang khusus semasa pendedaran soal selidik dijalankan.

## **INSTRUMEN KAJIAN**

Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik *Inventory of Socially Supportive Behaviour* (ISSB) bagi mengukur sokongan sosial. Alat ujian ini telah dikemukakan oleh Barrera pada tahun 1981, untuk mengukur sokongan sosial yang terdiri daripada sokongan emosi, sokongan maklumat, sokongan sosial dan perdampingan sosial. Soalan-soalan adalah menguji tentang sokongan sosial yang diterima oleh warga emas dan mengandungi 20 item pembolehubah berasaskan lima skala likert 5 seperti 1 = sangat tidak setuju, 2 = tidak setuju, 3 = tidak pasti, 4 = setuju dan 5 = sangat setuju. Setiap jenis sokongan sosial mempunyai lima item iaitu sokongan emosional, sokongan maklumat, sokongan instrumental dan sokongan sosial. Pembahagian item positif dan negatif tidak dilakukan dalam soal selidik ini. Kajian ini dianalisis tanpa memperlihatkan sumbangan jenis sokongan sosial kepada seseorang (Barrera, Sandler dan Ramsay, 1981).

Seterusnya, kesunyian di ukur menggunakan alat ukuran kesunyian yang diadaptasi daripada Inventori *UCLA Loneliness Scale* oleh Russel, Peplan dan Ferguson (1978). Adalah dimaklumkan bahawa inventori kesunyian *UCLA Loneliness Scale* ini telah diterjemahkan secara *back to back translation* oleh Haji Mohammad Yusuf. Skor inventori ini berdasarkan 20 item dengan 4 skala likert, iaitu, 'Tidak Pasti', 'Jarang-jarang', 'Kadang-kadang' dan 'Selalu'. Ianya juga terdiri daripada 10 item positif dan 10 item negatif. Item positif adalah item 1,4,5,6,9,10,15,16,19 dan 20 manakala item negatif adalah item 2,3,7,8,11,12,13,14,17 dan 18.

Kebolehpercayaan dan kestabilan dalaman instrument telah diuji dengan menggunakan kaedah "Cronbach Alpha". Didapati nilai Alpha Cronbach bagi kesemua konstruk adalah antara 0.610 hingga 0.914. Menurut Mohamad Najib (1999), jika nilai Alpha Cronbach adalah melebihi 0.6 maka instrument tersebut adalah sesuai digunakan. Oleh disebabkan nilai Alpha Cronbach yang didapati lebih daripada 0.6 maka instrument tersebut sesuai digunakan kerana mempunyai nilai kebolehpercayaan instrumen yang lebih tinggi. Nilai Alpha Cronbach yang diperoleh pengkaji adalah melebihi 0.6 iaitu melalui alat ujian

Kesunyian adalah 0.91 manakala untuk alat ujian Tingkah Laku Sokongan pula adalah 0.65.

## HASIL KAJIAN

Hasil kajian dibahagikan kepada dua iaitu hasil kajian deskriptif dan hasil kajian inferensi.

### Hasil Analisis Deskriptif

Keputusan analisis deskriptif adalah berdasarkan kepada peritus dan taburan responden mengikut demografi iaitu jantina, umur, bangsa dan status pekerjaan.

**Jadual 1:** Taburan Responden Kajian berdasarkan Jantina

Jantina	K	Peratus (%)
Lelaki	30	50
Perempuan	30	50
<b>Jumlah</b>	<b>60</b>	<b>100</b>

Jadual 1 menunjukkan kekerapan dan peratus responden kajian berdasarkan jantina iaitu seramai 30 orang responden lelaki (50%) dan 30 orang responden ialah perempuan (50%). Jantina menunjukkan bilangan yang seimbang dalam kajian ini.

**Jadual 2:** Taburan Responden Kajian berdasarkan Umur

Umur	K	Peratus (%)
60 hingga 69	37	61.7
70 hingga 79	22	36.7
80 hingga 89	1	1.7
<b>Jumlah</b>	<b>60</b>	<b>100</b>

Jadual 2 menunjukkan kekerapan dan peratus responden kajian berdasarkan umur mereka. Majoriti responden yang terlibat di dalam kajian adalah berumur di antara 60 hingga 69 tahun iaitu seramai 37 orang responden (61.7%) diikuti dengan bilangan responden yang berumur antara 70 hingga 79 iaitu seramai 22 orang responden (36.7%). Bilangan umur responden antara 80 hingga 89 adalah yang paling minoriti iaitu 1 orang responden (1.7%).

**Jadual 3:** Taburan Responden Kajian berdasarkan Bangsa

Bangsa	K	Peratus (%)
Melayu	42	70
Cina	10	16.7
India	8	13.3
<b>Jumlah</b>	<b>60</b>	<b>100</b>

Jadual 3 menunjukkan kekerapan dan peratus responden kajian berdasarkan bangsa di mana, sebilangan besar responden adalah berbangsa melayu iaitu seramai 42 orang responden (70%). Manakala, bilangan responden berbangsa cina seramai 10 orang responden (16.7%) dan yang berbangsa india adalah seramai 8 orang responden (13.3%).

**Jadual 4:** Taburan Responden Kajian berdasarkan Status Pekerjaan

Status Pekerjaan	K	Peratus (%)
Pesara Kerajaan	15	25
Pesara Swasta	37	61.7
Bekerja	8	13.3
<b>Jumlah</b>	<b>60</b>	<b>100</b>

Jadual 4 menunjukkan kekerapan dan peratus responden kajian berdasarkan status pekerjaan di mana sebilangan besar responden iaitu seramai 37 orang responden (61.7%) iaitu pesara swasta. Manakala, bilangan responden pesara kerajaan dan masih bekerja adalah seramai 15 orang responden (25%) dan 8 orang responden (13.3%).

### Hasil Analisis Inferensi

Pada bahagian ini, keputusan analisis statistik inferensi adalah berdasarkan kepada kaedah korelasi, ujian-t dan ANOVA yang telah digunakan oleh pengkaji dalam menguji ketiga-tiga hipotesis yang telah dibina.

**Jadual 5:** Keputusan Korelasi antara Sokongan Sosial dengan Kesunyian

Pembolehubah	Kesunyian
Sokongan Sosial	.796**

$k > .05$

Hasil analisis di dalam Jadual 5 menunjukkan nilai pekali korelasi Pearson ialah .796 ( $r = .796$ ) dan nilai signifikannya adalah .000 yang telah diuji pada aras keyakinan ( $k > .05$ ). Keputusan ini menunjukkan bahawa sokongan sosial

mempunyai hubungan signifikan dengan kesunyian. Keadaan ini membawa maksud sokongan sosial yang ada dalam diri seseorang akan memberi kesan terhadap tahap kesunyian mereka. Oleh itu, hipotesis diterima iaitu terdapat hubungan yang signifikan antara sokongan sosial dan kesunyian [ $r = .796$ ,  $k < .05$ ].

Hasil kajian ini adalah selari dengan hasil kajian Rahany Nasir et al. (2016) yang dijalankan terhadap 215 orang wanita hamil tanpa nikah yang ditempatkan di Jabatan Kebajikan Masyarakat dan juga agensi bukan kerajaan di seluruh Malaysia yang menyatakan terdapat hubungan negatif yang signifikan antara kesunyian dan sokongan sosial dalam kalangan wanita hamil tanpa nikah [ $r = -.164$ ,  $k < 0.05$ ].

**Jadual 6:** Keputusan Ujian-*t* bagi Sokongan Sosial berdasarkan Jantina

Jantina	K	Min	Sisihan Piawai	t	dk	Sig.
Lelaki	30	64.9667	13.25736	-.891	58	.016
Perempuan	30	67.6333	9.63286			

$k > .05$

Jadual 6 menunjukkan hasil analisis iaitu nilai *t* ialah  $-.891$  ( $t = .891$ ), darjah kebebasan ialah 58 ( $dk = 58$ ) dan nilai signifikan adalah  $.016$  yang diuji pada aras keyakinan  $.05$  ( $k > .05$ ). Manakala, nilai min sokongan sosial bagi jantina lelaki iaitu  $64.9667$  adalah lebih rendah daripada jantina perempuan iaitu  $67.6333$ . Dengan ini hipotesis diterima kerana keputusan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan sokongan sosial berdasarkan jantina [ $t(58) = .891$ ,  $k < .05$ ].

Hasil kajian ini adalah berlawanan dengan kajian Ashraf et al. (2019) di mana mereka mendapati tidak terdapat perbezaan antara sokongan sosial dengan jantina. Hal ini menunjukkan, warga emas lelaki dan perempuan mempunyai keperluan sosial yang hampir sama. Hal ini selari dengan kenyataan Carol dan Christopper (1999), penawaran yang baik untuk minda dan tubuh badan adalah keperluan sokongan sosial. Dapat disimpulkan, setiap individu memerlukan sokongan sosial tidak kira lelaki mahupun wanita.

**Jadual 7:** Keputusan ANOVA bagi Sokongan Sosial berdasarkan Status Pekerjaan

Item	JKD	dk	MKD	F	Sig.
Antara Kumpulan	381.559	2	190.780	1.447	.244
Dalam Kumpulan	7513.041	57	131.808		
<b>Jumlah</b>	<b>7894.600</b>	<b>59</b>			

$k > .05$

Hasil analisis menunjukkan nilai statistik F ialah  $1.447$  ( $F = 1.447$ ) dengan nilai signifikannya sebanyak  $.244$  dan ia adalah lebih besar daripada  $.05$  ( $k > .05$ ). Maka, hipotesis kajian ditolak kerana keputusan menunjukkan tidak terdapat



perbezaan yang signifikan antara sokongan sosial berdasarkan status pekerjaan [ $F(2, 57) = 1.447, k > .05$ ].

Kajian ini tidak selari dengan kajian yang dibuat oleh, Sharifah Rosida (2012) yang menyatakan warga tua secara umumnya masih lagi aktif dan produktif serta mampu melakukan pekerjaan dalam bidang formal atau tidak formal. Kajian beliau adalah untuk melihat pengaruh faktor peribadi, sokongan sosial, tahap kesihatan dan agama ke atas warga tua produktif di Dewan Undangan Negeri Pauh dan Negeri Perlis.

## **CADANGAN KAJIAN**

Terdapat beberapa cadangan kajian yang akan dipertengahan bagi tujuan penambahbaikan kajian yang berkaitan dengan sokongan sosial dan kesunyian oleh pengkaji lain pada masa akan datang. Kajian yang serupa boleh diperluaskan lagi dengan melakukan kajian yang lebih banyak dengan mengkaji lingkungan populasi yang lebih luas seperti melibatkan warga emas di setiap PPR di seluruh Malaysia. Hal ini, adalah untuk menjamin warga emas dapat keperluan sokongan yang mencukupi bagi mengelak kesunyian yang melampau. Secara tidak langsung hal ini dapat mencegah penyakit seperti kemurungan dalam kalangan warga emas.

Selain itu, kajian ini adalah kajian berbentuk kuantitatif. Kajian lanjutan boleh dilakukan dengan mengabungkan kaedah penyelidikan berbentuk kuantitatif dan kualitatif. Hal ini adalah untuk memastikan data yang dikutip benar-benar kongruen. Pengkaji yang mengkaji kajian yang serupa diharapkan dapat menggunakan kaedah pengedaran soal selidik dan melakukan pemerhatian atau temubual bersama responden untuk mendapatkan input yang lebih banyak. Tuntasnya, ia dapat membantu pengkaji untuk menjalankan kajian dengan bukti dan data yang kukuh malah dapat merangsang pengkaji untuk membuat cadangan dan perbincangan yang baik.

Seterusnya, dalam kajian ini pengkaji hanya melihat perbezaan sokongan sosial berdasarkan jantina dan status pekerjaan. Namun, pengkaji akan datang disarankan untuk mengkaji perbezaan kesunyian berdasarkan jantina, umur, bangsa dan status pekerjaan supaya analisis kajian boleh dipertingkatkan. Tambahan lagi, para pengkaji boleh menjana dan menambahkan lagi bilangan hipotesis kajian yang boleh diuji berdasarkan pembolehubah yang dipilih. Hal ini akan membantu pengkaji menganalisis data, memperoleh maklumat dan hasil kajian dengan lebih banyak. Tambahan lagi, pengkaji perlu memastikan responden menjawab soal selidik dalam persekitaran yang baik. Akhir sekali, pengkaji juga perlu memastikan agar responden memahami kandungan soal selidik agar mereka menjawab soal selidik tersebut lebih tepat. Oleh itu, penerangan yang jelas perlu dilakukan sebelum responden menjawab soal selidik bagi mendapatkan hasil dapatan yang lebih baik.

## **KESIMPULAN**

Secara kesimpulannya, kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji hubungan antara sokongan sosial dengan kesunyian dalam kalangan warga emas blok 5 PPR Seri Alam, Kuala Lumpur. Hasil analisis keputusan kajian yang merangkumi statistik

deskriptif dan juga inferensi telah dibincangkan secara terperinci dan menyeluruh berdasarkan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk kajian. Dapatan kajian yang diperoleh juga menunjukkan sokongan sosial mempunyai hubungan yang signifikan dengan kesunyian dalam kalangan warga emas. Manakala, dapatan hasil yang menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara sokongan sosial berdasarkan status pekerjaan warga emas. Tambahan lagi, pengkaji mendapati hasil kajian tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara sokongan sosial dan jantina. Kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat secara keseluruhan pada warga emas dan juga para pengkaji pada masa akan datang.

## **RUJUKAN**

- Amran Hassan, N. M. (2013). Perasaan 'Loneliness @ Kesunyian dan Strategi Daya Tindak dalam Kalangan Warga Emas yang Menghuni di Rumah Seri Kenangan, Cheras, Selangor. *Journal of Human Development and Communication*, 2, 89-103.
- Demir, A. &. (1999). Loneliness and Marital Adjustment of Turkish Couples. *The Journal of Psychology*, 133,, 230-240.
- Faris Iskandar. (2018). Hubungan antara Sokongan Sosial terhadap Konsep Kendiri Pelajar Tingkatan Empat Sekolah Kebangsaan Rahmat, Kuala Sungai Baru, Melaka.
- Jones, E. E. (1981). Effects of Strategic Self Presentation on Subsequent Self-esteem. *Journal of Personality and Social Psychology*, 41,, 407-421.
- Musa, M. M. (1997). *Psikologi Sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publication dan Distributors Sdn. Bhd.
- Nurul Hudani Md Nawawi, M. F. (2017). Hubungan Antara Sokongan Sosial dengan Kemurungan dalam Kalangan Penagih Dadah. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 20,, 29-49.
- Sharifah Rosida Binti Syed Ali. (2012). Pengaruh Faktor Peribadi, Sokongan Sosial, Tahap Kesihatan dan Agama ke atas Warga Tua Produktif.